



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

...

Berita
Online

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 14 April 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

HARI:

ISNIN

TARIKH:

14/4/2025

M/SURAT:

6

OP PALMA

Diserbu pindah minyak seludup

Kuala Lumpur: Polis merampas lebih 10,000 kilogram (kg) minyak sawit mentah dan 5,400 liter diesel bernilai RM207,470 dalam Op Palma di sekitar Rasah, Negeri Sembilan bermula kelmarin hingga semalam.

Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, serbuan pada jam 8 pagi kelmarin hingga jam 6 pagi semalam turut menahan empat lelaki tempatan berrusia antara 31 hingga 63 tahun serta menyita lima lori pelbagai jenis yang dipercaya digunakan dalam aktiviti penyeludupan.

Beliau berkata, risikan dan pemantauan operasi bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPÖB) itu dilakukan di kawasan lapang berhampiran Taman Desa Rasah bagi membanteras kegiatan penyeludupan minyak sawit mentah menggunakan kendaraan perdagangan di jalan raya.

"Berdasarkan maklumat risikan, pasukan serbuan melakukan pemantauan kira-kira jam 2 petang dan mengesan tiga lelaki sedang memindahkan cecair disyaki minyak sawit antara dua lori.

"Pemeriksaan terhadap lori pertama menemukan lima tangki simpanan pukal (IBC) mengandungi kira-kira 4,000kg minyak sawit, manakala lori kedua mengandungi enam tangki IBC dengan anggaran 5,400 liter minyak diesel," katanya.

Beliau berkata kesemua yang ditahan disiasat mengikut Kaedah 5 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 kerana memiliki minyak sawit tanpa lesen sah, manakala lima lori bersama muatan minyak sawit dan diesel serta peralatan mengepam telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seremban untuk tindakan lanjut.

"Nilai rampasan itu termasuk lori pertama bersama muatan berjumlah RM42,000, lori kedua dengan peralatan dan muatan (RM58,500), lori ketiga (RM32,090), lori keempat (RM26,000) dan lori kelima bersama diesel (RM47,880).

"Kesemua rampasan dan tangkapan diserahkan kepada pihak MPOB Wilayah Tengah dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) Seremban untuk tindakan lanjut mengikut Kaedah 5 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Akta Kawalan Bekaian 1961," katanya.



Kesemua rampasan dan tangkapan diserahkan kepada pihak MPOB Wilayah Tengah dan KPDN Seremban"

Mohd Yusri

di tepi jalan berhampiran rumah kedai di Lorong Bayan 6/1 dan pemeriksaan lanjut mendapati bahagian penyimpanan di belakang lori itu tidak berkunci dan mengandungi enam tangki IBC dengan anggaran 5,400 liter minyak diesel," katanya.

Beliau berkata kesemua yang ditahan disiasat mengikut Kaedah 5 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 kerana memiliki minyak sawit tanpa lesen sah, manakala lima lori bersama muatan minyak sawit dan diesel serta peralatan mengepam telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seremban untuk tindakan lanjut.

"Nilai rampasan itu termasuk lori pertama bersama muatan berjumlah RM42,000, lori kedua dengan peralatan dan muatan (RM58,500), lori ketiga (RM32,090), lori keempat (RM26,000) dan lori kelima bersama diesel (RM47,880).

"Kesemua rampasan dan tangkapan diserahkan kepada pihak MPOB Wilayah Tengah dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) Seremban untuk tindakan lanjut mengikut Kaedah 5 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Akta Kawalan Bekaian 1961," katanya.



Realiti hutang selepas Raya

LAMPU Hari Raya Aidilfitri masih berkelip di sesetengah rumah, tetapi bagi sebilangan rakyat Malaysia, terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah, realiti pasca perayaan tidaklah semeriah mana.

Apabila majlis makan-makan berakhir dan para tetamu beredar, apa yang tinggal bagi sesetengah orang bukanlah ketenangan — tetapi tuntutan kewangan yang mendesak.

Menurut Kementerian Kewangan, hutang isi rumah Malaysia mencérah RM1.63 trilion pada akhir 2024, bersamaan dengan 84.2 peratus dari pada KDNK.

Walaupun aset kewangan isi rumah negara berjumlah RM3.4 trilion, angka agregat ini menyembunyikan cabaran harian yang dihadapi oleh keluarga biasa dalam menguruskan bajet yang ketat.

Persiapan untuk Hari Raya Aidilfitri selalunya datang dengan kos yang tinggi.

Sama ada untuk pakaian tempahan khas, naik taraf rumah, atau perjalanan balik kampung, ramai yang memilih untuk mengambil pinjaman peribadi atau menggunakan kad kredit bagi membiayai perbelanjaan perayaan.

Perbelanjaan yang dahulunya bersifat pilihan kini dilihat sebagai satu jangkaan sosial.

Syarikat pelancongan mengambil peluang musim Raya dengan menawarkan pakej yang dikurasi dan diberi nama seperti "Balik Raya in Style" dan "Raya Family Escape."

Tawaran ini mungkin menjanjikan kecekapan kos, namun sering kali tersembunyi caj tambahan — yuran perkhidmatan, kos pengangkutan atau faedah daripada pelan bayaran tertangguh.

Rumah terbuka kembali rancak diadakan dan bersamanya hadir perbelanjaan yang besar.

Bagi keluarga yang sudah pun hidup dalam keadaan serba kekurangan, kos sebegini boleh menjadi membebankan.

Sesetengahnya terpaksa meminjam daripada koperasi atau peminjam berlesen dan sering kali terikat dengan syarat pembayaran balik yang tinggi dan berpanjangan selepas Syawal berakhir.

Kerajaan, di bawah inisiatif Madani, melancarkan fasa kedua Sumbangan Tunai Rahmah (STR) pada 24 Mac 2025, dengan agihan sebanyak RM1.7 bilion kepada 8.5 juta penerima.

Jumlah peruntukan STR dan Bantuan Sara Hidup (Sara) bagi 2025 mencérah

RM13 bilion, dengan tujuan untuk meringankan kos sara hidup.

Sara menyediakan kredit bulanan terus ke MyKad penerima, yang boleh ditebus di peruncit terpilih bagi barang keperluan seperti beras, minyak masak, susu dan tepung.

Sehingga 1 April 2025, program ini telah menyokong 5.4 juta rakyat Malaysia, memberikan fleksibiliti dan bantuan yang tepat pada masanya semasa dan selepas kemuncak perbelanjaan perayaan.

Satu lagi mekanisme sokongan bermakna ialah i-Saraan, skim caruman sukarela KWSP yang direka khas untuk pekerja sektor tidak formal, peserta ekonomi gig dan peniaga kecil.

Kerajaan akan memadankan caruman hingga RM1,000 setahun, membantu mereka membina simpanan jangka panjang dan keselamatan kewangan.

Namun, bantuan semata-mata tidak mencukupi. Kajian yang dijalankan pada 2024 mendedahkan bahawa hanya 38 peratus orang dewasa di Malaysia mempunyai celik kewangan asas.

Tanpa kemahiran belanjawan kukuh atau pemahaman tentang terma pinjaman, mereka yang menyambut perayaan dengan niat baik sekalipun boleh terperangkap dalam kitaran hutang yang berpanjangan.

Bagi menangani isu ini, Kementerian Kewangan sedang membangunkan Sistem Pemantauan Hutang Isi Rumah.

Pada masa sama, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta NGO sedang memperluaskan program pendidikan kewangan, khususnya di komuniti luar bandar dan yang kurang mendapat perkhidmatan.

Hari Raya Aidilfitri pada dasarnya adalah tentang kesyukuran, kebersamaan dan rendah diri.

Tiada apa yang perlu dimalukan dalam menyambut secara sederhana. Malah, perayaan yang sederhana mungkin mencerminkan kebijaksanaan dan kekuatan yang lebih besar daripada melampau kemampuan diri.

Kemakmuran sebenar bukanlah pada jumlah yang dibelanjakan semasa Hari Raya, tetapi pada ketenangan jiwa selepasnya.

Dengan mengamalkan kesederhanaan dan perancangan, kita bukan sahaja menghormati semangat Hari Raya Aidilfitri, tetapi juga kestabilan masa depan kita.

Dr Norazah Mohd Suki

Polis rampas minyak sawit, diesel bernilai lebih RM200,000

KUALA LUMPUR: Polis merampas lebih 10,000 kilogram (kg) minyak sawit mentah dan 5,400 liter diesel bernilai RM207,470 dalam Ops Palma di sekitar Rasah, Negeri Sembilan, bermula kelmarin hingga semalam.

Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, serbuan pada 8 pagi kelmarin hingga 6 pagi semalam turut menahan empat lelaki tempatan berusia antara 31 hingga 63 tahun serta menyita lima lori pelbagai jenis yang dipercayai digunakan dalam aktiviti penyeludupan.

Beliau berkata, risikan dan pemantauan operasi bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) itu dilakukan di kawasan lapang berhampiran Taman Desa Rasah bagi membanteras kegiatan

penyeludupan minyak sawit mentah menggunakan kenderaan perdagangan di jalan raya.

Berdasarkan maklumat risikan, pasukan serbuan melakukan pemantauan kira-kira 2 petang dan mengesan tiga lelaki sedang memindahkan cecair disyaki minyak sawit antara dua lori.

"Pemeriksaan terhadap lori pertama menemukan lima tangki simpanan pukal (IBC) mengandungi kira-kira 4,000 kg minyak sawit, manakala lori kedua mengandungi enam tangki IBC dengan 5,000 kg minyak sawit, sebuah pam bermotor lengkap dengan hos serta satu alat penimbang," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd Yusri berkata, hasil soal siasat terhadap dua suspek, polis menemukan dua lagi lori di lokasi berasingan

yang mengandungi 30kg minyak sawit dan satu pam bermotor bersama hos manakala sebuah lagi lori mengandungi 1,000 kg minyak sawit serta satu pam bermotor.

"Pada 4 petang, pasukan serbuan kedua menemukan lori kelima yang diparkir dalam keadaan mencurigakan di tepi jalan berhampiran rumah kedai di Lorong Bayan 6/1 dan pemeriksaan lanjut mendapati bahagian penyimpanan di belakang lori itu tidak berkunci dan mengandung enam tangki IBC dengan anggaran 5,400 liter minyak sawit," katanya.

Beliau berkata, kesemua yang ditahan disiasat mengikut Kaedah 5 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 kerana memiliki minyak sawit tanpa lesen sah, manakala lima lori bersama muatan

minyak sawit dan diesel serta peralatan mengepam telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban untuk tindakan lanjut.

Nilai rampasan termasuk lori pertama bersama muatan berjumlah RM42,000, lori kedua dengan peralatan dan muatan (RM58,500), lori ketiga (RM33,090), lori keempat (RM26,000) dan lori kelima bersama diesel (RM47,880).

"Kesemua rampasan dan tangkapan diserahkan kepada pihak MPOB Wilayah Tengah dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Seremban untuk tindakan lanjut mengikut Kaedah 5 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya. — Bernama



HBK NADI Air Kuning Perkasa Komuniti Digital

PROGRAM Hari Bersama Komuniti (HBK) di Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Air Kuning, membuka peluang kepada penduduk setempat untuk mengenali Perkhidmatan Pintar NADI secara lebih dekat.

Program dirasmikan oleh Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadil ini adalah sebagai sebahagian usaha MCMC memperkuatkan keterangkuman digital dan pembangunan komuniti.

Antara pengisian program termasuk taklimat keselamatan siber, promosi Perkhidmatan Pintar, pendaftaran ahli NADI

dan bimbingan keusahawanan menerusi NADIprenuer dan EmpowHER.

Turut diadakan pemeriksaan kesihatan percuma, jualan barang keperluan melalui Jualan Rahmah MADANI (KPDN) dan Jualan Agro MADANI (FAMA) dan pertandingan e-Sukan Mobile Legends yang menggalakkan penyertaan belia secara sihat.

■ PESERTA Program Hari Bersama Komuniti (HBK) di Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Air Kuning, Tapah bergambar bersama Fahmi Fadil.

莫哈末尤斯里（中）表示，警方联合MPOB官员逮捕了4名涉嫌走私棕油和柴油的本地男子。（取自武吉阿曼交通调查及执法部的脸书）



警聯合棕油局森州取締 涉走私棕油柴油捕4男

（八打灵再也13日讯）警方联合大马棕油局（MPOB）在森美兰多地展开“Op Palma”取缔走私行动，起获10吨棕油及5400公升柴油，并逮捕了4名涉嫌走私活动的本地男子。

起10吨棕油 5400公升柴油

全国警察交通调查及执法部总监拿督斯里莫哈末尤斯里发文告指出，警方与MPOB官员从昨早8时至今早6时，在森州迪沙亚沙花园（Taman Desa Rasah）附近空旷地区搜集情报和监督后，逮捕这4名涉嫌利用商业车辆走私棕油和柴油的本地男子。

“4名嫌犯的年龄介于31至63岁，警方也扣押了5辆用来走私棕油的罗里。”

他表示，执法队先是于下午2时发现3名男子正在2辆罗里之间，转移疑似棕油的液体，于是上前展开逮捕行动。

发现转移疑似棕油

“执法队在首辆罗里发现5个集装箱（IBC），内含有4000公斤棕油，而第二辆罗里则有6个集装箱，载有5000公斤棕油，现场也发现1台抽油泵和1个电子秤。”

他说，警方根据2名嫌犯的口供，追查到另2辆载有棕油的罗里，其

中1辆载有30公斤棕油及1台抽油泵，另一辆则载有1000公斤棕油和1台抽油泵。

“下午4时，执法队展开第二项取缔行动，同样在森州的巴延6/1巷附近店屋旁发现第5辆装有5400公升柴油罗里。”

莫哈末尤斯里指出，所有被扣押的罗里、棕油、柴油及抽油泵估计价值20万7470令吉，警方已将落网嫌犯及这批物品押到芙蓉警区总部，并交由大马棕油局中部地区办事处与国内贸易及生活费部芙蓉分局接手处理。

“有关当局已援引2005年大马棕油局（执照）条例第5条文，以及1961年供应管制法令展开调查。”

警捕4男子 起20萬走私棕油

(吉隆坡13日讯)警方在森美兰多地展开“棕榈行动”(Op Palma)，起获价值逾20万7470令吉10吨棕油、5400公升柴油和5辆罗厘，同时逮捕4名涉嫌用商业车辆走私的本地男子。

武吉阿曼交通调查及执法局总监拿督斯里莫哈末尤斯里发文告指出，警方与大马棕油局(MPOB)自昨早8时至今早6时展开棕榈行动，接获情报后，在森州德莎拉莎花园逮捕4名涉嫌走私棕油和柴油的本地男子(31岁至63岁)。

他透露，执法队显示在昨午2时发现3名可疑男子在2辆罗厘间，转移疑似棕油的液体，

于是立即展开行动，并分别在2辆罗厘共发现11个含有9000公斤棕油的集装箱(IBC)，较后又发现1台抽油泵和1个电子秤。

“警方随后根据嫌犯的口供，追查到另外2辆载有棕油的罗厘，发现其中1辆载有30公斤棕油和1台抽油泵，另一辆则载有1000公斤棕油和1台抽油泵。”

莫哈末尤斯里透露，执法队于昨午4时在森州的巴延6/1巷附近店屋展开第二场突击行动，发现第5辆装有5400公升走私柴油的罗厘。

他指出，所有被扣查的罗厘、棕油、柴油和抽油泵价值



■莫哈末尤斯里（中）指出，警方在行动中扣查价值逾20万7470令吉的棕油、柴油、罗厘和抽油泵助查。

逾20万7470令吉，警方目前已将落网嫌犯及所有被扣查的物品送往芙蓉警区总部，并交由大马棕油局中部地区办事处与国内贸易及生活费部芙蓉分局进一步行动。“有关当局援引2005年马来西亚棕油局(许可)条例下5条文(无执照经营)和1961年供应管制法令调查此案。”



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 14 APRIL 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
14-Apr	Jualan Rahmah dicadang diperluas ke IPT, kurangkan kos sara hidup golongan muda	https://suarasarawak.my/jualan-rahmah-dicadang-diperluas-ke-ipt-kurangkan-kos-sara-hidup-golongan-muda/	SUARA SARAWAK
14-Apr	Rahmah sales can be implemented at IPT to reduce burden of students	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/04/1200225/rahmah-sales-can-be-implemented-ipt-reduce-burden-students	NEW STRAITS TIMES
14-Apr	Rahmah sales can be implemented at IPT to reduce burden of students - Woo	https://thesun.my/malaysia-news/rahmah-sales-can-be-implemented-at-ipt-to-reduce-burden-of-students-woo-BK13918988	THE SUN
14-Apr	KARYAWAN, 3P Muzik Malaysia minta CMO akur garis panduan baharu	https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2025/04/1382957/karyawan-3p-muzik-malaysia-minta-cmo-akur-	BERITA HARIAN
14-Apr	KPDN Labuan lakukan 4,111 pemeriksaan babitkan sitaan bernilai RM169,000	https://www.borneodailybulletin.com/kpdn-labuan-lakukan-4111-pemeriksaan-babitkan-sitaan-bernilai-rm169000/	BORNEO DAILY
14-Apr	Stor simpan hampir 2,000 tong LPG secara haram	https://www.kosmo.com.my/2025/04/11/stor-simpan-hampir-2000-tong-lpg-secara-haram/#google_vignette	KOSMO
14-Apr	Sindiket seleweng LPG bersubsidi tumpas di Hilir Perak	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/sindiket-seleweng-lpg-bersubsidi-tumpas-di-hilir-perak	RTM
14-Apr	KPDN Perak Sita 1,839 Tong Lpg Tanpa Permit Di Teluk Intan	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2411463	BERNAMA

14-Apr	DBKL tutup 3 premis perniagaan kendalian warga asing di Segambut	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1382901/dbkl-tutup-3-premis-perniagaan-kendalian-warga-asing-di-segambut	BERITA HARIAN
14-Apr	MCMC perhebat komuniti digital inklusif menerusi program HBK di Ayer Kuning	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mcmc-perhebat-komuniti-digital-inklusif-menerusi-program-hbk-di-ayer-kuning-516432	ASTRO AWANI
14-Apr	HBK perkasa komuniti Air Kuning melalui Perkhidmatan Pintar NADI	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/hbk-perkasa-komuniti-air-kuning-melalui-perkhidmatan-pintar-nadi/	MALAYSIA TRIBUNE
14-Apr	Lebih 10,000kg minyak sawit mentah dirampas dalam Op Palma	https://www.kosmo.com.my/2025/04/13/lebih-10000kg-minyak-sawit-mentah-	KOSMO
14-Apr	Police seize over RM200,000 worth of crude palm oil, diesel in Rasah raid	https://thesun.my/malaysia-news/police-seize-over-rm200000-worth-of-crude-palm-oil-diesel-in-rasah-raid-DJ13927172	THE SUN
14-Apr	KPDN Cracks Down on Illegal LPG Operation in Penang	https://www.malaysianewsgazette.com/kpdn-cracks-down-on-illegal-lpg-operation-in-	MALAYSIA GAZETTE